

Laksana segera dasar bela nasib Orang Asli

Dari Kaca Mata



Dr Mohd Roslan Rosnon

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Pakar Antropologi (Pengajian Pribumi)

Selepas 61 tahun negara mencapai kemerdekaan, masyarakat Orang Asli tidak terkecuali menikmati pembangunan direncanakan kerajaan.

Sejumlah besar peruntukan disediakan bagi tujuan pembangunan masyarakat Orang Asli, malah laporan, dokumen dan dasar banyak disediakan pihak bertanggungjawab.

Secara umum, taraf kehidupan masyarakat Orang Asli semakin baik, namun tidak dinafikan ada beberapa isu belum selesai. Mereka masih bergelut dengan isu tanah, pendidikan dan sosioekonomi.

Tulisan ini akan memberi fokus kepada dua isu pokok. Pertama kelemahan pelaksanaan dasar sedia ada dan kedua membabitkan keperluan penstrukturkan semula jentera kerajaan.

Pada 5 Ogos 2013, SUHAKAM mengemukakan Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia kepada Kerajaan Malaysia dan awam.

SUHAKAM memutuskan untuk mengadakan inkuiiri nasional ini selepas menerima banyak aduan secara berterusan berhubung isu tanah daripada masyarakat Orang Asli.

Dalam buku laporan 184 muka surat itu, SUHAKAM menyenaraikan 18 syor berkaitan enam isu utama, iaitu pengiktirafan hak adat Orang Asal/Asli terhadap tanah, remedii bagi tanah yang hilang serta menangani isu dan ketidakseimbangan pembangunan tanah.

Isu lain termasuk mencegah kehilangan tanah adat Orang Asal/Asli pada

masa hadapan, menangani isu pentadbiran tanah dan mengiktiraf tanah sebagai nadi kepada identiti golongan itu.

Laporan dikemukakan SUHAKAM begitu komprehensif dan boleh dipertimbang pelaksanaannya.

Petugas khas kaji laporan

Rentetan laporan inkuiiri nasional itu, Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli ditubuhkan pada September 2013.

Pasukan ini bertanggungjawab meneliti syor dibentangkan SUHAKAM berhubung isu tanah masyarakat Orang Asal/Asli di negara ini, dengan diketuai Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM) ketika itu, Datuk Dr Mohd Tap Salleh.

Pasukan Petugas ini terdiri daripada ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), wakil kerajaan negeri dan beberapa kementerian, jabatan serta agensi berkaitan.

Laporan lengkap dihantar setahun selepas itu kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, namun masih tiada tindakan sewajarnya diambil.

Pada 2017 pula, jawatankuasa khas Kabinet untuk melaksanakan syor laporan inkuiiri SUHAKAM berhubung hak tanah orang Asli ditubuhkan.

Jawatankuasa ini dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Namun, isu tanah masyarakat Orang Asli masih tidak dapat diselesaikan sehingga kini.

Selain isu tanah, keciciran dalam pendidikan juga memerlukan sinar baharu. Banyak dokumen disediakan dan perlu dilihat semula kerajaan.

Dokumen berkenaan adalah Nota Se-rah Ambil Alih Tanggungjawab Sekolah dan Asrama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Memorandum pengambilan Sekolah-sekolah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1995; Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli 2001-2002; Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan



Selain isu tanah, keciciran dalam pendidikan juga memerlukan sinar baharu. Banyak dokumen disediakan dan perlu dilihat semula kerajaan”